

**SKIM BAYARAN PAMPASAN (EX-GRATIA) BAGI PEGAWAI KERAJAAN DI
BAWAH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA DAN PEGAWAI
BERPENCIEN YANG DITIMPA KEMALANGAN ATAU KECEDEeraan TERMASUK
YANG TERANIAYA ANASIR-ANASIR JAHAT SEMASA MENJALANKAN TUGAS
RASMI**

WP 6.2/2013

Perkara

Tanggungjawab

Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) Bagi Pegawai Kerajaan Di Bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Dan Pegawai Berpencien Yang Ditimpa Kemalangan Atau Kecederaan Termasuk Yang Teraniaya Anasir-Anasir Jahat Semasa Menjalankan Tugas Rasmi

Anggota LGM

1. Tujuan

1.1. Pekeliling Perbendaharaan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan mengenai pelaksanaan Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) secara pentadbiran bagi Pegawai Kerajaan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pegawai Berpencien yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk yang teraniaya disebabkan oleh anasir-anasir jahat semasa menjalankan tugas rasmi yang mana tidak diliputi oleh mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan.

KP

1.2. Pekeliling ini adalah terpakai bagi bencana kerja yang berlaku mulai 20 Oktober 1994 sehingga 31 Disember 2000.

KP

2. Latar Belakang

2.1. Pegawai Perkhidmatan Awam adalah dikecualikan dari mencarum kepada skim yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO). Dengan pengecualian ini, Pegawai Kerajaan di bawah Skim KWSP dan Pegawai Berpencien yang mendapat kemalangan atau kecederaan tidak kepada tahap hilang upaya tidak akan mendapat apa-apa faedah pampasan jika berlaku kemalangan atau kecederaan ke atas diri.

KUPSM

2.2. Memandangkan perkara seperti di perenggan 2.1 di atas, Kerajaan telah memutuskan supaya sebagai langkah jangka panjang, satu kajian mendalam perlu dijalankan bagi mengatasi masalah tersebut secara menyeluruh. Walaupun begitu sebagai langkah sementara, satu Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) secara pentadbiran oleh Perbendaharaan diwujudkan.

Perkara

Tanggungjawab

3. Tafsiran

3.1. **Melainkan sesuatu istilah itu terjelas maksudnya dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:**

KP/KUPSM

- 3.1.1. **“Gaji Akhir”** bermakna Gaji Pokok iaitu tidak termasuk Imbuhan Tetap;
- 3.1.2. **“Panel Pegawai”** bermakna Panel Pegawai yang dilantik daripada Pegawai Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa;
- 3.1.3. **“Tanggungan pegawai”** bermakna mengikut tafsiran “tanggungan” di bawah Akta Pencen 1980 dan pindaan-pindaan berkaigtan dengannya; dan
- 3.1.4. **“Tugas Rasmi”** bermakna termasuk perjalanan biasa dan terdekat dari rumah ke tempat kerja dan sebaliknya.

4. Peraturan

4.1. Faedah Yang Diberi

KP/KUPSM

4.1.1. Faedah yang diberi di bawah Skim ini adalah melibatkan kemalangan atau kecederaan yang mengakibatkan:

- a) kematian;
- b) hilang upaya kekal dan terpaksa ditamatkan perkhidmatan; dan
- c) hilang upaya kekal tetapi tidak sampai kepada tahap ditamatkan atau disarakan daripada perkhidmatan.

4.2. Kadar Bayaran

KP/KUPSM

4.2.1. Kadar bayaran bagi faedah yang diperolehi oleh pegawai yang terbabit adalah seperti di Lampiran A.

4.2.2. Bagi kecederaan sementara, tiada sebarang bayaran dibuat kerana dalam tempoh tersebut mereka yang terlibat dibayar gaji dan mendapat perbelanjaan perubatan percuma

4.2.3. Faedah kemalangan atau kecederaan akan dibayar kepada pegawai, atau kepada tanggungan pegawai berkenaan. Ianya juga boleh dibayar kepada wakil pegawai di sisi undang-undang jika tiada orang tanggungan.

Perkara	Tanggungjawab
4.3. Panel Pegawai	
<p>4.3.1. Satu Panel Pegawai akan dilantik oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Panel Pegawai ini diberi tanggungjawab untuk:-</p> <p>a) menentukan kadar bayaran faedah bagi kecacatan anggota badan yang tidak menyebabkan hilang pekerjaan. Tahap kecacatan akan ditentukan oleh Doktor/Pegawai Perubatan Kerajaan; dan</p> <p>b) menyasat serta mengkaji dan membuat keputusan terhadap sebarang kes keraguan yang akan timbul.</p>	KSP
<p>4.3.2. Keputusan Panel Pegawai adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan di dalam mana-mana Mahkamah.</p>	Panel Pegawai
4.4. Permohonan Tuntutan	
<p>4.4.1. Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan melalui Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan masing-masing dengan menggunakan borang seperti contoh di Lampiran B.</p>	KP/UPSM
<p>4.4.2. Bersama-sama borang tuntutan tersebut hendaklah disertakan dokumen-dokumen berikut:</p> <p>c) satu salinan Kenyataan Perkhidmatan;</p> <p>d) satu salinan Laporan Polis berkenaan kecederaan atau kemalangan disebabkan anasir jahat atau jika berlaku kematian;</p> <p>e) Laporan Pegawai Perubatan yang menentukan taksiran hilang upaya kekal berdasarkan jenis kecederaan seperti di Lampiran A1;</p> <p>f) dokumen-dokumen bukti orang tanggungan seperti salinan Kad Pengenalan, salinan Surat Nikah dan salinan Surat Kelahiran Anak; dan</p> <p>g) dokumen bukti wakil pegawai di sisi undang-undang jika tiada orang tanggungan. Laporan Pegawai Kebajikan Masyarakat mengenai latar belakang wakil pegawai di sisi undang-undang tersebut juga diperlukan.</p>	Anggota LGM/KUPSM

Perkara

Tanggungjawab

5. Pemakaian

- 5.1. Skim ini adalah terpakai bagi semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Kehakiman kecuali pegawai-pegawai dalam perkhidmatan tertentu yang telahpun mempunyai skim yang serupa iaitu
- 5.1.1. Perkhidmatan Tentera;.
 - 5.1.2. Perkhidmatan Polis;
 - 5.1.3. Perkhidmatan Bomba;
 - 5.1.4. Lain-lain perkhidmatan yang mewujudkan tabung Amanah di bawah Akta berkenaan;
 - 5.1.5. Pegawai Kontrak; dan
 - 5.1.6. Pegawai Sangkut dan Pekerja Harian (Sambilan).
- 5.2. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, Pekeliling ini juga dipanjangkan pemakaiannya kepada pegawai Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dan kos pembiayaannya hendaklah ditanggung oleh Pentadbiran masing-masing.

KP/KUPSM

LAMPIRAN A

SKIM BAYARAN *EX-GRATIA* BAGI PELBAGAI KEMALANGAN ATAU KECEDERAAN TERMASUK YANG TERANIAYA OLEH ANASIR-ANASIR JAHAT SEMASA MENJALANKAN TUGAS-TUGAS RASMI

Bil.	Jenis Kemalangan atau Kecederaan	Kadar
1.	Kematian	36 kali ganda gaji bulanan hakiki tertakluk kepada had minimum sebanyak RM10,000.00
2.	Kecacatan anggota penting seumur hidup yang menyebabkan kehilangan pekerjaan dengan Kerajaan. Kehilangan anggota badan atau kecederaan berkekalan.	72 kali ganda gaji bulanan hakiki tertakluk kepada had minimum sebanyak RM20,000.00.
3.	Kecacatan berkekalan anggota badan yang tidak menyebabkan kehilangan pekerjaan dengan Kerajaan.	a. Tertakluk kepada had maksimum 24 kali ganda gaji bulanan hakiki yang akan ditentukan oleh Panel Pegawai. b. Penentuan tahap kecederaan dibuat oleh Doktor berdasarkan Taksiran seperti sifir di LampiranA1 .

NOTA

Pembayaran pampasan ke atas kemalangan atau kecederaan di atas adalah hanya bagi faedah-faedah yang tidak diliputi oleh mana-mana undang-undang/peraturan berkaitan dan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang diberi di bawah undang-undang/peraturan tersebut.

**TAKSIRAN HILANG UPAYA YANG DISEBABKAN
KECEDERAAN TERTENTU DAN LAIN-LAIN HILANG UPAYA**

Jenis Kecederaan

Peratus Taksiran
(daripada kadar kelayakan)

PENGUDUNGAN – ANGGOTA ATAS

Hilang kedua-dua tangan atau pengudungan di Bahagian atas	100
Pengudungan di sendi bahu	90
Pengudungan di pangkal lengan dengan kudungnya kurang daripada 8 inci daripada hujung permatang belikat	80
Pengudungan daripada 8 inci daripada hujung permatang belikat hingga kurang daripada 4½ inci di bawah hujung siku	70
Daripada 4½ inci di bawah hujung siku	60
Hilang ibu jari	30
Hilang ibu jari dan tulang pada tapak tangan	40
Hilang empat jari	50
Hilang tiga jari	30
Hilang dua jari	20
Hilang tulang ruas hujung ibu jari	20

PENGUDUNGAN -ANGGOTABAWAH

Pengudungan dua anggota dipaha, atau dipaha di sebelah kaki dan hilang kaki sebelah lagi, atau pengudungan dua anggota dipangkal paha hingga 5 inci di bawah lutut	100
Pengudungan dua anggota dikaki di bawah hingga 5 inci di bawah lutut	100
Pengudungan dikaki ke bawah hingga 5 inci di bawah lutut dan hilang sebelah kaki yang lagi satu	100

<i>Jenis Kecederaan</i>	Peratus Taksiran (daripada kadar kelayakan)
Pengudungan kedua-dua kaki mengakibatkan kudung	90
Pengudungan di kedua-dua kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal daripada sendi tulang tapak kaki-jari kaki	80
Hilang semua jari kedua-dua kaki sendi tulang tapak kaki-jari kaki	40
Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke pangkal daripada sendi ruas pangkal tengah jari	30
Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke hujung daripada sendi Ruas pangkal tengah jari	20
Pengudungan di sendi pangkal paha	90
Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya Tidak lebih daripada 5 inci panjang diukur daripada hujung bonggol besar tulang paha	80
Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya Lebih daripada 5 inci panjang di ukur daripada hujung bonggol besar Tetapi tidak lebih daripada tengah paha	70
Di bawah tengah paha tidak lebih daripada 3½ inci di bawah lutut	60
Di bawah lutut dengan kudung lebih daripada 3½ inci tetapi tidak Lebih daripada 5 inci	50
Di bawah lutut dengan kudung lebih daripada 5 inci	40
Pengudungan sebelah kaki mengakibatkan kudung menyangga badan	30
Pengudungan di sebelah kaki(buku lali ke bawah)lebih ke pangkal Daripada sendi tulang tapak kaki-jari kaki	30
Hilang semua jari sebelah kaki lebih ke pangkal daripada sendiruas Pangkal tengah jari, termasuk pengudungan di sendi tulang tapak kaki-jari kaki	20

KECEDERAAN–KECEDERAAN LAIN TERTENTU

Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki	100
Hilang sebelah mata,tanpa kesulitan,mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	40
Hilang penglihatan sebelah mata,tanpa kesulitan,atau cacat biji mata, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	30
Hilang penglihatan	100

HILANGUPAYA–HILANGUPAYALAIN

Cacat parah pada muka	100
Pekak tuli	100

NOTA:

- a. Seseorang Pegawai berkenaan tidak layak mendapat lebih daripada satu bayaran *Ex-Gratia* di 2 dan 3 di atas bagi kemalangan yang sama tertakluk kepada syarat bahawa ketidakupayaan itu dialami dalam tempoh masa 12 bulan daripada waktu berlakunya kecacatan anggota badan itu.
- b. Pembayaran *Ex-Gratia* hendaklah merupakan sebagai tambahan bayaran kepada faedah di bawah Undang-undang Pencen dan Akta Pampasan Pekerja bagi aspek-aspek yang tidak diliputi oleh undang-undang itu.

LAMPIRAN B

Rujukan Kementerian/Jabatan:

Rujukan Perbendaharaan:

**SKIM BAYARAN PAMPASAN (*EX-GRATIA*) BAGI PEGAWAI
KERAJAAN DI BAWAH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA DAN PEGAWAI BERPENCEN YANG DITIMPA
KEMALANGAN ATAU KECEDERAAN TERMASUK YANG
TERANIAYA ANASIR-ANASIR JAHAT SEMASA
MENJALANKAN TUGAS RASMI**

BAHAGIAN I (Dipenuhi Oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan)

Butir-butir mengenai
(*Nama Pemohon*)

Yang disokong untuk mendapat pembayaran pampasan (*Ex-Gratia*)

1. Nama penuh
2. No.Kad Pengenalan
3. Tarikh Lahir
4. Jawatan/Kategori/Gred
5. Taraf Pegawai (Skim KWSP/Pegawai Berpencen)
5. Gaji Akhir (Gaji Pokok)
7. Taraf Perkahwinan (Kahwin/Bujang/Janda/Duda)
8. Butir-butir kematian/Kecacatan yang berkaitandengantugas:-
 - (a) Tarikh Kematian/Kecederaan(Sijil Kematian atausalinan yang diperakui hendaklah disertakan)
 - (b) Sebab-sebab kematian/kecederaan (Laporan Lengkap mengenai hal Kematian/kecederaan daripada KetuaJabatan, Jabatan Polis dan Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah disediakan)
 - (c) Peratus kecacatan yang ditaksirkan olehPegawai Perubatan Kerajaan

9. Butir-butir orang tanggungan dan wakil di sisi undang-undang:

- (a) Nama Balu/Duda
- (b) Nama Anak-anak
- (c) Nama Ibu
- (d) Nama Bapa
- (e) Nama Wakil disisi Undang-undang

10. Namadanalamat si penerima yang dicadangkan:-

- (a) Nama
- (b) Kad Pengenalan
- (c) Alamat

Tarikh:

Tandatangan Ketua Jabatan

BAHAGIAN II (Dipenuhi Oleh Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan)

Berdasarkan maklumat-maklumat yang diberikan:-

- (a) Jumlah pampasan yang layak dibayar ialah RM (RinggitMalaysia

Perakuan saya adalah berasaskan kepada pengiraan seperti berikut:-

- (a)
- (b)
- (c)

(b) Wujud keraguan atas tuntutan ini berasaskan:-

(a)

(b)

(c)

Disyorkan supaya siasatan lanjut oleh Panel Pegawai dibuat.

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

BAHAGIAN III (Dipenuhi Oleh Panel Pegawai)

Setelah dipertimbangkan:

- (a) Bersetuju dengan perakuan pembayaran oleh Bahagian Dasar Saraan, dan Pengurusan, Kementerian Kewangan di (a) di atas.
- (b) Siasatan telah dibuat seperti di Lampiran berkembar. Tuntutan ini adalah ditolak/diluluskan pembayaran sebanyak RM (Ringgit Malaysia)

Tarikh:

Tandatangan Pengerusi Panel Pegawai

Nama: